

Dr. M deklamasi puisi luahkan harapan terhadap orang Melayu

UM 30 AUG 2002

PUTRAJAYA 29 Ogos — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini mendeklamasikan puisi yang meluahkan harapannya terhadap bangsa Melayu supaya jangan leka dan jangan sentiasa mengharapkan bantuan dalam menghadapi cabaran yang mendatang.

Menerusi bait-bait puisi yang bertajuk *Menghadapi Cabaran: Menatang Bangsa*, Dr. Mahathir mengingatkan orang Melayu bahawa mereka akan kehilangan segala-galanya termasuk maruah jika terus berpecah.

Dr. Mahathir juga mengingatkan bangsa Melayu supaya berusaha sendiri untuk mencapai kejayaan kerana katanya "tidak jalan mudah bagi bangsa berjaya, kemuliaan, kesejahteraan mesti diisi tangan sendiri."

Beliau juga mahukan orang Melayu serta rakyat Malaysia keseluruhannya tidak mudah berputus asa dalam mempertahankan negara daripada sebarang

ancaman yang boleh menjejaskan kesejahteraan negara.

Dr. Mahathir menyampaikan puisi itu pada Pesta Puisi Patriotik Ketiga anjuran Biro Tata Negara, Jabatan Perdana Menteri di sini, malam ini.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali juga menyampaikan puisi bertajuk *Suara Hati*.

Beberapa orang kenamaan turut menyampaikan puisi pada majlis itu termasuk Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mansudin Osman, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman dan Sasterawan Negara A. Samad Said.

Pada majlis itu, Dr. Mahathir juga menerima bendera Jalur Gemilang daripada pasukan berjalan kaki tanpa henti dari Melaka ke Putrajaya sejauh 560 kilometer yang diserahkan oleh ketuanya Mohd. Rawi Mat Isa.